

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	29 APRIL 2017

Tingkat dagangan dengan Vietnam – PM

um-29/4/2017

MANILA 28 April - Malaysia ber-cadang meningkatkan jumlah da-gangan dengan Vietnam sehingga mencecah AS\$15 bilion (RM65 bil-ion) menjelang 2020.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, pada masa ini, dagangan antara kedua-dua negara bernilai lebih AS\$11 billion (RM47.8 bilion).

Sehubungan itu, katanya, ba-nyak usaha perlu dilakukan un-tuk melonjakkan nilai dagangan tersebut bagi menepati sasaran yang ditetapkan.

Malaysia adalah pelabur terbe-sar di Vietnam.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas mengada-kan pertemuan bilateral dengan rakan sejawatan beliau Nguyen Xuan Phuc di sini petang ini.

Pada pertemuan itu, katanya, beliau juga telah menyampaikan hasrat Petronas untuk menyam-bung Kontrak Perkongsian Penge-luaran (PSC) selama 10 tahun lagi di Vietnam.

Permintaan itu adalah penting untuk diputuskan memandang-kan beberapa buah syarikat mul-tinasional telah menamatkan operasi di Vietnam sedangkan



NAJIB TUN RAZAK (kiri) bersalaman dengan Nguyen Xuan Phuc ketika kunjungan hormat sempena Sidang Kemuncak ASEAN Ke-30 di Manila, semalam. - BERNAMA

Petronas masih berminat mela-bur di sana.

Petronas telah berada di Viet-nam selama 25 tahun dan kehad-iran syarikat minyak negara un-tuk tempoh masa yang 10 tahun

akan datang akan memberi fae-dah kepada kedua-dua negara.

Pada pertemuan itu, katanya, beliau turut menyampaikan has-rat agar pertikaian antara Europe Automobil Corporation, sebuah

anak syarikat Sime Darby Motor dapat diselesaikan.

Pada masa ini, Kerajaan Viet-nam melarang Ketua Pegawai Operasi syarikat itu, Simon Rock, seorang warga British daripada meninggalkan negara itu.

Katanya, beliau telah meminta agar Rock dibenarkan kembali ke Malaysia untuk bertemu dengan keluarganya dan pada masa yang sama memberi jaminan pihak yang menjalankan siasatan akan memperoleh kerjasama daripada syarikat terbabit.

Najib berkata, mereka turut berbincang mengenai ancaman lanun di Laut China Selatan yang memerlukan kerjasama erat anta-ra kedua-dua negara.

Kedua-dua negara juga ber-sependapat kawasan Laut China Selatan perlulah bebas dan aman dan stabil untuk pelayaran dan penerbangan.

Pada masa yang sama, Viet-nam meminta supaya kuota pekerja dari negara itu ke Malay-sia di tambah.

Vietnam juga, katanya, ber-minat usahasama dalam bidang penyediaan makanan halal dan pemprosesan makanan. -UTUSAN